

FEBRICOL TABLET

Paracetamol/Pseudoephedrine hydrochloride/Chlorpheniramine maletae (500mg/30mg/2mg)

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Febricol
2. Bagaimana Febricol berfungsi
3. Sebelum menggunakan Febricol
4. Cara menggunakan Febricol
5. Semasa menggunakan Febricol
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Febricol
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

Apakah kegunaan Febricol

Febricol digunakan untuk melegakan sakit kepala, sakit otot, demam, bersin, kesesakan hidung, gatal dan mata berair yang disebabkan selsema dan rinitis alahan (radang pada membran mucus dalam hidung).

Bagaimana Febricol berfungsi

Paracetamol merawat sakit ringan dan mengurangkan demam dengan cara menghalang tindakan *prostaglandin* yang dihasilkan semasa keradangan.

Pseudoephedrine hydrochloride adalah sejenis dekongestan yang berfungsi dengan menyempitkan saluran darah untuk mengurangkan pembengkakan dan kesesakan hidung.

Chlorpheniramine Maleate membantu mengurangkan rembesan dalam hidung dengan menghalang tindakan histamina, sejenis bahan semulajadi yang dihasilkan dalam badan semasa tindakbalas alergi.

Sebelum menggunakan Febricol

Bila tidak boleh menggunakan

Jangan gunakan Febricol jika anda:

- alah (hipersensitif) terhadap bahan-bahan yang terkandung dalam ubat ini.
- ingin menggunakan pada kanak-kanak berusia di bawah 12 tahun.

Sebelum mula menggunakan

Sila beritahu doktor atau ahli farmasi sebelum menggunakan Febricol jika anda:

- mempunyai glaukoma (tekanan tinggi dalam mata)
- hamil atau merancang untuk hamil.
- sedang menyusukan anak atau merancang untuk menyusu.
- mengambil ubat lain yang mengandungi Paracetamol.
- Sedang mengambil ubat untuk kemurungan seperti MAOIs (monoamine oxidase inhibitors) atau dalam masa 2 minggu selepas tamat rawatan.

- mempunyai masalah hati, jantung, buah pinggang, atau metabolismik seperti, tekanan darah tinggi, kandungan gula darah yang tinggi, kelenjar tiroid terlampaui aktif.
- mengalami pembesaran prostat.

Jika mengambil ubat-ubat lain

Sila beritahu doktor atau ahli farmasi jika anda sedang atau kebelakangan ini mengambil ubat lain, termasuk sebarang ubat tanpa preskripsi.

Febricol mungkin berinteraksi dengan:

- *sympathomimetic (decongestant, tricyclic antidepressant, appetite suppressants and amphetamine-like psychostimulants)*
- *monoamine oxidase inhibitors (MAOIs)*
- *bretlyium, bethanidine, guanethidine*
- *deprisoquine, methyldopa*
- *α - dan β -adrenergic blocking agents*

Cara menggunakan Febricol

Berapa banyak harus digunakan

Dewasa dan kanak-kanak berusia 12 tahun ke atas

- 1 – 2 tablet setiap 4 – 6 jam.
- Maksimum 8 tablet sehari.

Bila perlu digunakan

Sebaiknya diambil selepas makan.

Iikut arahan doktor atau ahli farmasi anda.

Berapa lama perlu digunakan

Ambil ubat mengikut preskripsi doktor atau ahli farmasi. Rujuk kepada doktor atau ahli farmasi sebelum mengambil ubat ini untuk tempoh masa yang lebih panjang.

Jika terlupa menggunakan

Ambil dos yang terlepas sebaik sahaja anda teringat. Sekiranya sudah hampir masa untuk dos seterusnya, abaikan dos terlepas dan tunggu untuk mengambil dos seterusnya pada masa biasa. Jangan ambil dos berganda untuk menggantikan dos yang tertinggal.

Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Hubungi doktor anda dengan segera atau pergi ke Jabatan Kecemasan hospital terdekat, jika terambil dos berlebihan. Ini perlu dilakukan walaupun tiada sebarang kesan keracunan atau rasa tidak selesa. Anda mungkin memerlukan perhatian perubatan segera.

Pengambilan dos berlebihan boleh mengakibatkan muntah-muntah, loya, lemah, denyutan jantung yang cepat, tekanan darah tinggi, peluh berlebihan dan keresahan.

Semasa menggunakan Febricol

Perkara yang perlu dilakukan

- Ambil ubat anda mengikut arahan doktor.
- Maklumkan kepada semua doktor, doktor gigi dan ahli farmasi yang merawat anda bahawa anda sedang menggunakan Febricol.
- Beritahu doktor anda dengan segera jika anda hamil semasa menggunakan ubat ini.
- Sentiasa cuci tangan sebelum mengambil ubat.
- Telan tablet bersama air dan cuba mengambilnya pada waktu yang sama setiap hari.

Perkara yang tidak boleh dilakukan

- Jangan berkongsi Febricol dengan sesiapa, walaupun mereka mempunyai simptom atau penyakit yang sama.
- Jangan kunyah tablet.
- Jangan ambil ubat ini tanpa preskripsi doktor atau ahli farmasi.

Perkara yang perlu diberi perhatian

- Ubat ini boleh menyebabkan mengantuk. Jika terjadi, jangan memandu atau mengendalikan mesin.
- Jangan mengambil minuman beralkohol atau mengambil ubat yang mungkin menyebabkan kesan mengantuk semasa mengambil ubat ini.

Kesan-kesan sampingan

- Pening, keletihan.
- Pergerakan badan yang tidak terkawal dan bergetar.
- kegelisahan, keresahan, sukar tidur, kegemuruan, keterujaan, kerengsaan, kekeliruan.
- Loya, muntah, cirit-birit atau sakit gastrik.
- Mulut kering, rembesan mukus yang tebal, sesak dada.
- Penglihatan kabur.
- Kesukaran untuk kencing bagi lelaki yang mengalami pembesaran prostat.
- Sembelit.
- Denyutan jantung tidak normal
- Tekanan darah tinggi.

Ini bukan senarai kesan sampingan yang lengkap. Dapatkan rawatan perubatan dengan segera jika anda mengalami sebarang kesan sampingan atau masalah alahan.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel: 03-85535550, atau lawan web

FEBRICOL TABLET

Paracetamol/Pseudoephedrine hydrochloride/Chlorpheniramine maletae (500mg/30mg/2mg)

portal.bpfk.gov.my

(Consumers → Reporting)

Cara penyimpanan dan pelupusan

Febricol

Penyimpanan

Simpan di tempat kering dan sejuk dan di bawah 30°C.

Jauhi dari kanak-kanak.

Jangan ambil ubat ini selepas tarikh luput.

Pelupusan

Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Sila rujuk kepada ahli farmasi anda mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

Maklumat lanjut

Rupa dan warna produk

Tablet berwarna hijau muda, berbentuk bulat, bertepi serong dan rata, dicetak timbul dengan logo pada satu permukaan dan garis putus pada permukaan satu lagi.

Bahan-bahan kandungan

Bahan-bahan aktif

Paracetamol, Pseudoephedrine

Hydrochloride dan Chlorpheniramine

Maleate.

Bahan-bahan tidak aktif

Povidone, Magnesium Stearate, Purified Water, Colloidal Silicon Dioxide, Sodium Starch Glycolate, Starch, Quinoline Yellow, FDC Blue, Isopropyl Alcohol, Dioctyl Sodium Sulphosuccinate.

Nombor MAL

MAL20013375A

Pengilang dan Pemegang Pendaftaran

Produk

Xepa-Soul Pattinson (Malaysia) Sdn Bhd

1-5 Cheng Industrial Estate,

75250 Melaka, Malaysia.

Tarikh kemaskini RiMUP

18 Ogos 2015

Nombor Siri

BPFK(R4/1)180815/00255